

10 SEP 1997

Mahathir-Genghis

MAHATHIR KENALI CARA HIDUP TRADISI MASYARAKAT MONGOL

Oleh: Zulkefli Salleh

ULAN BATOR (MONGOLIA), 10 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini meluangkan masa daripada jadualnya yang ketat dalam lawatan rasmi empat hari ke Mongolia untuk mengenali cara hidup tradisional masyarakat Mongol.

Cara hidup tradisional Mongol diimbas kembali kepada Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada hari ketiga lawatan di sebuah kawasan perkhemahan penakluk Mongolia.

Di "Ghengiz Khaany Khuree" yang dinamakan sempena nama penakluk Mongolia Genghis Khan, Dr Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyaksikan acara sukan tradisional Mongol, "Nadaam" yang meliputi gusti, menunggang kuda dan memanah.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri Mongolia M. Enkhsaikhan yang menganjurkan acara itu.

Khuree, terletak di kawasan lembah yang menawan dengan dikelilingi oleh kawasan bukit yang dipenuhi pokok-pokok pine, menghidupkan zaman kegemilangan Mongol dengan khemah-khemah tradisional dikenali sebagai "Ger". Ia menempatkan artifak Ghengiz Khan, penakluk agung dari kaum Mongol pada abad ke-13.

Dr Mahathir, yang menunggang kuda ialah antara hobinya menghabiskan masa hampir setengah hari di lembah itu mempamerkan kemahirannya menunggang sejauh kira-kira 20 km dan membuat percubaan dalam sukan memanah.

Perdana Menteri juga menyaksikan tarian topeng berunsur keagamaan semasa abad ke-16 yang pada masa-masa silam diadakan di biara-biara besar.

Beliau juga dihiburkan dengan persembahan tarian perang tradisional Mongol dengan mengikut alunan lagu purba yang dinyanyikan apabila para penakluk Mongol meraikan kemenangan.

Sebelum meninggalkan tempat itu, Dr Mahathir menikmati jamuan tengah hari bersama Perdana Menteri Mongolia dalam "Ger" dan mengambil kesempatan itu untuk membincangkan isu dua hala dan antarabangsa.

Dr Mahathir jug hari ini menemui bekas Perdana Menteri Mongolia Putsaagin Jasrai apabila beliau mengunjunginya di hotel penginapan di sini.

Dr Mahathir kemudian melawat Muzium Seni Halus Mongolia dan Muzium Nasional Mongolia.

Esok, hari terakhir lawatan, Dr Mahathir akan dianugerahkan ijazah kehormat oleh National University of Mongolia pada satu upacara di sini.

Beliau akan mengadakan persidangan berita untuk wartawan Malaysia pada sebelah tengah hari sebelum ke Republik Kyrgyz di Asia tengah untuk lawatan kerja tiga hari. -- BERNAMA

ZKS FAZ